

14/01/2001

Soal perpaduan Melayu perlu diselesai dahulu

Shariffudin Mohamed

PEKAN: Soal perpaduan Melayu perlu diselesaikan terlebih dahulu kerana ia sangat mendesak sekarang, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Oleh itu, katanya, pertemuan Umno dan Pas yang dipersetujui kedua-dua pihak perlu menjuruskan kepada perbincangan perkara tertentu saja sebelum berganjak kepada hal lebih luas lagi.

"Sebenarnya, penyelesaian kepada isu itu boleh menyumbang ke arah perpaduan nasional. Jadi memang sesuai dan tepat sekali kita memberi tumpuan kepada soal perpaduan Melayu.

"Kalau kita cuba menyelesaikan segala masalah serentak, mungkin soal perpaduan Melayu amat sukar diselesaikan," katanya pada majlis rumah terbuka Aidilfitri peringkat Parlimen Pekan, di sini, semalam.

Beliau mengulas persetujuan Majlis Tertinggi Umno bersetuju mengadakan pertemuan dengan Pas bagi berbincang soal perpaduan Melayu dan akan menghadirinya dengan fikiran terbuka.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno berharap Pas akan bersetuju untuk menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama ini dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Sambil menyifatkan soal perpaduan Melayu sebagai masalah serius, Najib berkata, ia sudah lama menghantui masyarakat Melayu dan kini, menjejaskan institusi sosial mereka.

Malah, katanya, disebabkan daripada itu, berlaku ketegangan di tempat tertentu seperti pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas serta urusan berkaitan kematian dan masjid.

Menjawab soalan, beliau berkata, tarikh dan tempat pertemuan itu belum ditentukan lagi.

"Apa yang pasti Setiausaha Agung Umno akan menghubungi rakan sejawatannya daripada Pas berkaitan logistik dan formatnya. Bagi pihak Umno, bahan yang mahu dikemukakan dalam pertemuan itu akan ditentukan Biro Politik yang dipengerusikan Dr Mahathir," katanya.

Selain Perdana Menteri, Timbalan Presiden, ketiga-tiga Naib Presiden, Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita, Ketua Penerangan dan Setiausaha Agung menganggotai biro berkenaan.

Najib turut menegaskan agenda pertemuan itu tidak boleh dibicarakan kerana bimbang boleh menjejaskan perbincangannya.

"Kita berharap orang ramai memberi kepercayaan kepada kita untuk mencari jalan ke arah penyatuan dan perpaduan umat Islam serta Melayu dengan cara terbaik.

"Kita memilih tajuk yang kita kira akan membawa kepada titik pertemuan. Kita memang ilkhias. Ini bukan soal sandiwara politik atau soal kita berasa diri kita tertekan tetapi ini satu perkara mendesak dan mendapat sokongan di kalangan orang Melayu sendiri," katanya.

Beliau berpendapat, pertemuan itu boleh meredakan suasana politik di tanah air dan sekiranya ada titik pertemuan serta persefahaman, ia boleh diturunkan sehingga peringkat akar umbi.

(END)